

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MEMBACA BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR TAMIL: ‘KAEDAH GABUNG BUNYI KATA’

Dr. Muhammad Saiful Haq Bin Hussin (Universiti Malaya) ipul62@hotmail.com

Nik Hafizah Binti Ab. Rahman (Universiti Malaya)

Agus Syahrani (Universitas Pontianak)

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keberkesanan Kaedah Gabung Bunyi Kata (KGBK) dalam proses pengajaran dan pembelajaran membaca dalam bahasa Melayu. Hal ini diharapkan dapat membantu murid yang lemah dalam aspek penguasaan bacaan bahasa Melayu. Penyelidik memberi tumpuan kepada aspek bacaan kerana aspek bacaan merupakan aspek yang paling penting dalam penguasaan bahasa Melayu murid. Penyelidik juga akan menguji kesesuaian Kaedah Gabung Bunyi Kata sebagai satu kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran membaca bahasa Melayu dalam kalangan murid-muridnya yang terdiri daripada pelajar berbangsa India dan mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bagi mereka.

Selain daripada itu kajian ini dilakukan bagi melihat perkembangan dan prestasi murid setelah mengikuti Kaedah Gabung Bunyi Kata (KGBK) ini. Kajian ini dilakukan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Methodist Kapar di Klang Selangor. Sampel terdiri daripada 40 orang murid tahap 1 yang dipilih berdasarkan tahap kecerdasan mereka. Dapatan kajian diperoleh melalui rekod pencapaian murid yang telah dilakukan selama 6 bulan iaitu dan bulan Mei hingga Oktober.

Hasil dapatannya ternyata bahawa Kaedah Gabung Bunyi Kata (KGBK) ini amat sesuai untuk meningkatkan prestasi murid tersebut. Hal ini dapat dibuktikan bahawa 65 peratus bersamaan dengan 26 subjek kajian berjaya menguasai kemahiran membaca dengan lancar dan 35 peratus bersamaan 14 subjek kajian yang masih belum menguasai kemahiran bacaan dengan lancar itu memerlukan tempoh masa yang lebih lama (lebih kurang 3 bulan lagi) untuk menguasainya.

PENDAHULUAN

Membaca merupakan asas pembentukan diri bagi mendapatkan ilmu pengetahuan. Perkara ini telah termaktub dalam ayat pertama diwahyukan Tuhan kepada Nabi Muhammad S.A.W. Tuhan berfirman dalam surah al'Alaq ayat 1 hingga 5 yang bermaksud:

“Bacalah wahai Muhammad dengan nama Tuhanmu yang menciptakanselalian makhluk,Dia menciptakan manusia daripada sebuku darah beku, bacalah dan Tuhanmu yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalupena dan tulisan ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.”

(Surah : al'Alaq, Ayat : 1-5)

Matlamat utama pengajaran membaca adalah bertujuan merangsang keupayaan membaca, berinteraksi dan memahami bahasa tulisan. Membaca adalah bersifat dalaman proses mental yang tidak dapat diperhatikan ataupun dikaji secara terus. Ramai penyelidik menghubungkan proses membaca dengan berfikir dan menegaskan kedua-dua perkara itu tidak dapat dipisahkan. Perkara ini juga dinyatakan oleh Thorndike (1917: 195) yang menyatakan bahawa membaca sebagai “berfikir”. Pendidikan merupakan aspek penting dalam kehidupan manusia. Namun begitu tidak dapat dinafikan bahawa masih ramai kanak-kanak yang ketinggalan dalam aspek pendidikan terutama bagi menguasai kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira).

Dari segi kajian menggunakan Kaedah Gabung Bunyi Kata (KGBK), terdapat beberapa kajian telah dijalankan bagi menguji hipotesis bahawa KGBK mudah dan berkesan untuk mengajar membaca bahasa Melayu kepada kanak-kanak prasekolah dan untuk mengajar serta ‘memulihkan’ murid yang tidak dapat membaca bahasa Melayu. Hasil kajian-kajian tindakan yang telah dilakukan melaporkan bahawa KGBK memudahkan guru mengajar 2M sehingga mencapai aras 0 hingga 12 dalam skala Kajian Diagnostik. Pada umumnya kajian-kajian ini juga mendapati KGBK mudah dan berkesan untuk 2M sebagai pilihan alternatif kepada kaedah abjad atau fonik dan kaedah seluruh perkataan.

Beberapa kajian telah dilakukan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan beberapa kajian lain. Kajian pemerhatian dan laporan dari guru serta kajian berskala kecil oleh pelajar UPSI menunjukkan KGBK mudah dan berkesan. Selain dari itu terdapat juga kajian yang berskala lebih besar dan sistematik telah dilakukan oleh pengasas KGBK iaitu Isahak Haron. Kajian telah dilakukan sejak tahun 2002 dalam pelbagai konteks oleh pensyarah, murid sarjana

pendidikan, guru dan guru besar sekolah rendah. Kajian ini telah siap pada tahun 2005 dan diterbitkan dalam bentuk monograf : Isahak Haron (2007) Awal Membaca Bahasa Melayu : Keberkesanan Kaedah Gabung Bunyi Kata untuk Prasekolah dan Pemulihan, Penerbit UPSI.

Jadual 1 : Penguasaan Murid sebelum dan selepas mengikuti KGBK

Tahap kebolehan murid	Sebelum	Selepas
Tidak kenal huruf	154 (47.23%)	27 (8.28%)
Baca suku kata	81 (24.84%)	68 (20.85%)
Baca rangkai kata	47 (14.41%)	94 (28.83%)
Baca lancar	5 (1.53%)	65 (19.93%)
Tidak hadir kajian	39 (11.96%)	72 (22.08%)
Jumlah	326 (100%)	326 (100%)

Berdasarkan jadual 1 diatas, pada permulaan projek dijalankan, iaitu awal Jun 2002, daripada 326 murid di 12 tadika itu hanya 1.53 peratus atau 5 orang sahaja yang boleh membaca dengan lancar, 14.41 peratus atau 47 orang murid boleh membaca rangkai kata dan 47.23 peratus bersamaan 154 orang murid tidak boleh mengenal huruf asas. Selepas mengajar dengan menggunakan KGBK didapati terdapat peningkatan iaitu seramai 65 orang murid bersamaan 19.93 peratus murid yang boleh membaca dengan lancar, 94 orang murid bersamaan dengan 28.83 peratus boleh membaca rangkai kata dan hanya 27 orang murid bersamaan 8.28 peratus yang masih tidak dapat mengenal huruf, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa 227 orang bersamaan dengan 69.63 peratus daripada murid yang mengambil ujian akhir telah menunjukkan mereka memperoleh kebolehan asas untuk membaca bahasa Melayu sebelum mereka masuk ke sekolah rendah. Ini jelas menunjukkan bahawa ‘program intervensi’ menggunakan KGBK dan Buku Mudah Membaca Menulis 1 dan 2 sebagai alat pengajaran dan pembelajaran kepada kanak-kanak di 12 buah tadika KEMAS ini berkesan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Penguasaan bacaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Tamil merupakan salah satu masalah utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Murid Tamil mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hal ini demikian kerana bagi mereka bahasa pertama adalah bahasa Tamil. Bagi

Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SKJT), bahasa pengantar yang digunakan di sekolah adalah bahasa Tamil. Masalah penguasaan membaca bahasa Melayu merupakan masalah utama di sekolah ini. Berkebetulan dengan salah seorang pasukan penyelidik merupakan guru yang mengajar secara langsung di SJKT membolehkan fenomena yang wujud inilah menyebabkan pasukan penyelidik menjalankan kajian penyelidikan di SKJT. Sekiranya masalah ini tidak dibendung dan di atasi, masalah ini akan berterusan sehingga ke peringkat menengah dan saban tahun akan menyumbang kepada peratusan kegagalan yang tinggi dalam keputusan peperiksaan berpusat khususnya Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Peratus kegagalan ini akan bersifat akumulatif berdasarkan kepada kemasukan dalam sistem persekolahan adalah berterusan dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain. Oleh sebab itu, bagi mengatasi masalah ini penyelidik menggunakan KGBK dalam pengajaran dan pembelajaran. Penyelidik mengaplikasikan KGBK dalam proses pengajaran dan pembelajaran membaca bahasa Melayu di SJKT. Pengaplikasian KGBK ini membolehkan penyelidik mengesan sejauh manakah KGBK ini berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Tamil di SJKT.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk :

1. Menguji dan menganalisis kesesuaian Kaedah Gabung Bunyi Kata (KBGT) yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran membaca bahasa Melayu bagi murid Tamil yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa Kedua (B2).
2. Menganalisis tahap penguasaan bacaan bahasa Melayu bagi murid Tamil yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa Kedua (B2).

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis penggunaan KGBK dan melihat kesesuaian KGBK bagi membantu murid Tamil yang menghadapi masalah dalam aspek membaca. Selain dari itu kajian ini juga penting dan berguna bukan sahaja kepada penyelidik tetapi juga kepada

guru-guru bahasa Melayu, murid, penyelidik, Jabatan Pelajaran Negeri, Kementerian Pelajaran Malaysia dan juga kementerian-kementerian lain yang berkaitan untuk memastikan bahawa kaedah yang digunakan dalam pemulihan membaca bahasa Melayu dapat memberi manfaat kepada murid. Bagi penyelidik pula kajian ini dapat dijadikan rujukan untuk proses pengajaran dan pembelajaran yang akan dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu kajian ini juga dapat dijadikan rujukan selain memberikan idea, pengalaman dan juga kesedaran kepada penyelidik-penyelidik lain. Selain itu, dengan adanya kajian ini juga seseorang guru dapat mengenal pasti tahap perkembangan murid yang mengikuti Kaedah Gabung Bunyi Kata dalam pengajaran dan pembelajaran membaca bahasa Melayu. Kesimpulannya kajian ini dijalankan bagi melihat peranan dan penggunaan KGBK dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu bagi aspek penguasaan bacaan. Kajian ini turut memperlihatkan bagaimana peranan dan keberkesanan KGBK dapat diaplikasikan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

SUBJEK KAJIAN

Penyelidik telah menjalankan penyelidikan terhadap 40 orang murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Methodist, Kapar, Kelang, Selangor. Murid-murid ini terdiri daripada murid Tahun 2 dan Tahun 3. Seramai 40 orang murid yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada murid berbangsa India. Murid-murid ini mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dalam pemilihan subjek ini, penyelidik telah dibantu oleh guru untuk mengenalpasti murid-murid yang menepati kriteria penyelidikan ini. Jumlah kesemua murid Tahun 2 dan 3 yang mempunyai masalah dalam penguasaan membaca ini adalah seramai 86 orang murid. Penyelidik telah mengedarkan 86 item soalan Ujian Diagnostik yang telah diubahsuai daripada bahan yang direka oleh Muhammad Saiful Haq Hussin (2001) – Tesis Sarjana bagi memilih 40 orang murid dalam kajian ini.

KERANGKA TEORI

Menurut Stephen Krashen (1984) melalui ‘Teori Monitor’nya menyatakan bahawa teori pemerolehan bahasa kedua adalah sebahagian dari linguistik teoritik kerana bersifat abstrak.

Menurutnya, dalam pengajaran bahasa kedua apa yang praktisnya adalah teori pemerolehan bahasa yang baik. Melalui Teori Monitor, 'perolehan' berlaku dibawah sadar, iaitu sama dengan cara bagaimana seseorang kanak-kanak itu memproses bahasa yang diperolehinya secara tidak langsung, (Krashen 1985: 1). Manakala 'pembelajaran' berlaku secara sadar dan berkesudahan dengan mengetahui sesuatu bahasa (Krashen 1981: 1). Bagi Krashen, perolehan bahasa terjadi apabila wujud interaksi yang bermakna hasil daripada komunikasi semulajadi. Bahasa boleh diperoleh dalam bilik darjah jika ada komunikasi dua hala seperti berdialog, main peranan dan bentuk-bentuk interaksi bermakna.


Bagi Krashen 'pembelajaran' adalah berdasarkan pertimbangan terhadap peraturan tatabahasa manakala 'perolehan' dikaitkan dengan pertimbangan 'perbuatan merasa' (Krashen et al,1978: 73-92). Pendekatan ini kabur kerana sukar diketahui sama ada sampel kajian benar-benar menggunakan rumus tatabahasa atau perbuatan merasa. Bagi Krashen (1982: 15), pembelajaran hanya berfungsi sebagai monitor sahaja. Pada asasnya perolehan merupakan hasil yang diperoleh melalui komunikasi dan monitor memainkan peranan untuk mengubahsuai perolehan-perolehan supaya menepati norma-norma sesuatu bahasa sasaran.

Kemudian melalui Hipotesis Susunan Semula Jadi pula, Krashen (1985: 1) menyatakan bahawa manusia memperoleh peraturan-peraturan bahasa dalam satu susunan yang boleh diramal. Dalam hipotesis ini terdapat peraturan bahasa yang terbit awal dan ada juga yang terbit lewat. Susunan ini berbeza dengan peraturan bahasa yang diajar di dalam bilik darjah. Susunan perolehan bahasa semula jadi ini dianggap hasil daripada sistem bahasa yang telah diperoleh murid dan bebas daripada penggunaan monitor atau tindakbalas yang beroperasi secara sadar.

Melalui Hipotesis Input pula Krashen (1985: 2), menyatakan semasas sedang menguasai struktur linguistik yang baru, murid telah melalui fasa penguasaan bahasa semula jadi secara beransur-ansur. Hipotesis Input mengemukakan usul bahawa manusia memperoleh bahasa dengan menerima input yang dapat difahaminya. Manusia menerima input yang bermula dari i , iaitu tahap penguasaan semasa yang dimiliki, ke $i + 1$, dan berganjak ke tahap selanjutnya di sepanjang fasa-fasa penguasaan bahasa yang semula jadi itu dengan memahami input asas yang

mengandung $i + 1$. Krashen menyifatkan konsep ini sebagai konsep yang penting dalam perolehan bahasa kedua.

Seterusnya Hipotesis Filter Afektif pula menyatakan bahawa sesuatu perolehan bahasa memerlukan input yang lengkap. Namun begitu input yang lengkap belum tentu dapat memenuhi syarat untuk berjaya menguasai bahasa sasaran. Faktor-faktor afektif juga memainkan peranan yang penting. Hipotesis Filter Afektif mengatakan input yang dapat difahami tidak akan digunakan oleh penutur bahasa kedua jika wujud sekatan mental yang menghalang input itu daripada digunakan dengan sepenuhnya (Krashen 1982: 3). Cara Filter Afektif beroperasi dapat dilihat dalam rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Cara Filter Afektif beroperasi

Rajah di atas menunjukkan bahawa ‘filter afektif’ akan bertindak sebagai pemangkin kepada perolehan bahasa. Sekiranya filter menurun, input akan sampai kepada LAD (Language Acquisition Device) menjadikan seseorang itu menguasai bahasa. Namun sekiranya filter menaik, input akan tersekat dan tidak sampai kepada LAD. Oleh yang demikian penguasaan atau kecekapan bahasa tidak akan diperolehi. Dengan ini jelaslah bahawa faktor-faktor afektif boleh bertindak memudah atau mengendalikannya penghantaran input kepada LAD (Krashen 1982: 32). Bagi memperoleh sesuatu bahasa, murid-murid perlu didedahkan kepada input-input bahasa.

Monitor dikatakan bertindak memproses bentuk-bentuk linguistik secara sedar. Murid boleh menggunakan pengetahuan linguistik yang diperolehi daripada *monitor* dengan secara sedar

untuk menghuraikan ayat-ayat dan untuk membetulkan atau menyunting pertuturan dan penulisannya. Setakat mana *monitor* digunakan bergantung kepada beberapa faktor iaitu:

1. Umur murid atau tahap perkembangan kognitifnya.

Pengawalan bahasa lebih mudah dilakukan apabila murid telah sampai ke tahap operasi-operasi formal, yakni murid telah dapat menghubungkan bahasa yang abstrak dengan idea yang hendak disampaikannya.

2. Bahasa lisan yang rumit telah dapat dikuasai.

Tugas seperti ini memerlukan murid menumpukan perhatian sepenuhnya kepada bentuk-bentuk linguistik. Dalam keadaan ini, *monitor* memainkan peranan yang penting.

3. Personaliti murid


Murid yang merasa tidak selamat, rendah diri dan takut membuat kesalahan bahasa lebih cenderung menggunakan *monitor* daripada murid lain.

Berdasarkan kepada empat hipotesis Krashen ini, maka Teori Monitor telah wujud sebagai satu teori yang kukuh sebagai satu teori bahasa. Hipotesis perolehan bahasa memberi tumpuan kepada cara murid-murid memproses bahasa berdasarkan pertimbangan secara sedar atau tidak sedar. Kebolehan individu mengubah *output* sesuatu sistem bahasa yang diperolehinya dikaitkan dengan hipotesis monitor. Hipotesis ini memberikan kesan yang mendalam kepada pengajaran bahasa kerana andaiannya yang mengatakan bahawa untuk memahami sesuatu bahasa, komunikasi harus diutamakan bukannya pembelajaran tentang peraturan bahasa.

KERANGKA KONSEP


Rajah di bawah menunjukkan bahawa pembelajaran adalah proses melakukan berbagai gerak balas yang disebabkan oleh rangsangan yang terhasil daripada proses pemikiran yang berlaku di dalam minda. Pemikiran ini diperolehi secara sedar melalui pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Guru dan murid saling berinteraksi antara satu sama lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui KGBK. Kemudian diikuti dengan memilih gerak balas yang sesuai melalui rangsangan hasil daripada proses pemikiran yang berlaku di dalam minda seseorang murid. Seterusnya murid memilih gerak balas yang sesuai iaitu mengulang-ulangkan atau

mengamalkan gerak balas yang dipilih itu sehinggalah berjaya membentuk kemahiran ataupun tidak berjaya membentuk kemahiran membaca melalui KGBK.



Rajah 2 : Pembentukan kemahiran hasil daripada kaitan di antara rangsangan, pemikiran dan gerak balas melalui KGBK.

Sesuatu kemahiran itu akan dipelajari dan terbentuk setelah melalui beberapa proses yang saling berkaitan di antara satu sama lain. Melalui Hipotesis Perolehan-Pembelajaran Bahasa dikatakan bahawa perolehan bahasa diperolehi secara bawah sedar manakala pembelajaran bahasa pula diperolehi secara sedar.



Rajah 3 : Hipotesis perolehan dan pembelajaran bahasa.

Hipotesis di atas memberi tumpuan kepada cara murid-murid memproses bahasa berdasarkan pertimbangan secara sedar atau tidak sedar. Kebolehan individu menerima input bahasa yang diperolehinya dikaitkan dengan hipotesis monitor yang memberikan implikasi penting kepada pengajaran bahasa. Lantaran itu didapati bahawa murid-murid bukan sahaja mempelajari sesuatu

bahasa itu melalui pembelajaran secara formal semata-mata. Pembelajaran secara formal akan memberikan *input* kepada murid melalui pendekatan, kaedah dan teknik yang diaplikasikan secara langsung oleh guru dalam memberikan pengajaran untuk tujuan menguasai sesuatu kemahiran. Namun perolehan pula boleh berlaku sama ada melalui pengajaran guru atau hasil daripada pergaulan dan komunikasi murid. Oleh yang demikian pengajaran bahasa harus memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap faktor psikolinguistik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian eksperimen yang dijalankan adalah berdasarkan kepada kaedah kerja lapangan dan kaedah perpustakaan.

Kaedah Kerja Lapangan

Kajian ini merupakan satu kajian yang terbantu deskriptif yang menggunakan pendekatan tinjauan untuk mendapatkan maklumat tentang pengajaran dan pembelajaran membaca bahasa Melayu menggunakan KGBK. Kaedah kerja lapangan ini merupakan kaedah yang melibatkan penyelidik sendiri menyertai kelompok yang dikaji. Penyelidik telah menggunakan dua cara dalam kerja lapangan ini iaitu pemerhatian dan soal selidik.

Pemerhatian merupakan satu daripada kaedah mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Mengikut Mohammad Haji Yusuf (1990: 7), mengatakan bahawa pemerhatian dapat memberitahu penyelidik tentang organisasi sosial dan dapat membantu penyelidik membentuk soal selidik atau alat kajian yang lebih sesuai. Semasa pemerhatian, penyelidik turut menyertai kelompok kajian. Penyelidik berperanan sebagai pemerhati terhadap perubahan-perubahan tingkah laku. Olahan dan kaedah pemerhatian dibahagikan kepada dua iaitu yang pertama pemerhatian turut serta ke lapangan dan yang keduanya pula ialah pemerhatian tidak turut serta Mohd Majid Konting (2000: 246).

Penyelidik melakukan kerja lapangan secara pemerhatian ikut serta terhadap kelompok murid yang terlibat. Penyelidik melakukan pemerhatian selama lima bulan. Kelas diadakan tiga kali seminggu. Penyelidik melakukan pemerhatian terkawal semasa sesi kelas bermula sehingga kelas tamat pada hari-hari yang telah ditetapkan. Kaedah pemerhatian terkawal ini dilakukan bagi meneliti bagaimana proses pengajaran dan pembelajaran membaca menggunakan KGBK. Di samping itu pemerhatian terkawal ini juga dilakukan untuk melihat perkembangan murid yang mengikuti KGBK dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Bagi melihat pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran menggunakan bahan KGBK yang telah dibina, penyelidik telah berada didalam kelas khas untuk mengajar tahap kemahiran yang diperlukan, sekaligus membuat pemerhatian ke atas pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan. Melalui pemerhatian penyelidik dapat melihat keadaan sebenar dan perkembangan atau peningkatan penguasaan bacaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid tersebut. Setiap perkembangan dicatat dalam rekod pencapaian murid.

Pemerhatian yang dibuat meliputi :

- Aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.
- Kekuatan bahan rangsangan yang dibina untuk membantu penguasaan kemahiran-kemahiran yang diajar.
- Respons murid-murid melalui pengajaran dan pembelajaran yang diajar secara lisan
- Permasalahan subjek kajian dalam memahami dan menguasai kemahiran-kemahiran yang telah diajar.

Soal Selidik

Soal selidik adalah salah satu kaedah yang tidak asing dalam sesuatu penyelidikan. Kaedah ini dilakukan dengan meneliti latar belakang setiap murid yang terlibat yang telah disediakan oleh penyelidik. Secara umumnya tujuan soal selidik dilakukan untuk mendapatkan maklumat murid yang terlibat dalam kajian ini. Mengikut Mohd. Majid Konting (2004: 202) soal selidik

digunakan bagi mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Tujuan soal selidik ini dilakukan adalah bagi mengenalpasti latar belakang murid yang terlibat dalam penyelidikan ini.

Rekod Pencapaian Murid

Rekod ini mengandungi data-data tentang pencapaian murid-murid hasil daripada pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Rekod tersebut juga mencatat pencapaian yang dikuasai oleh murid-murid pada setiap peringkat kemahiran yang dikuasainya. Rekod ini penting kerana penyelidik dapat menggunakannya untuk melihat tahap pencapaian yang dikuasai oleh murid semasa melalui proses pembelajaran yang menggunakan KGBK.

Kajian Kepustakaan

Kaedah kepustakaan pula digunakan untuk mengetahui kajian-kajian berkaitan yang dianggap sesuai untuk memenuhi matlamat penyelidikan. Melalui kaedah ini, penyelidik membuat rujukan ke atas buku-buku, majalah, akhbar, jurnal dan sebagainya yang menyentuh kajian lampau, perbincangan dan rumusan kajian yang berkaitan. Dalam konteks pembacaan, penyelidik telah pergi ke pusat-pusat pembacaan seperti perpustakaan, pusat sumber dan sebagainya untuk memperkaya dan memperluas pembacaan bagi membolehkan kajian ini diselesaikan dengan penuh bermakna dan mempunyai maklumat yang cukup. Perpustakaan yang menjadi tumpuan penyelidik ialah Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Negeri Kelantan. Selain daripada itu, penyelidik turut mendapatkan maklumat melalui pembelian buku-buku ilmiah, majalah, jurnal dan buletin dari kedai buku atau pusat penjualan buku atau dari Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pendekatan Kajian

Kajian ini dijalankan secara lisan dengan menggunakan KGBK. Murid-murid yang terlibat dalam penyelidikan ini diajar membaca bahasa Melayu dengan KGBK terlebih dahulu. Setelah diajar sebanyak 3 kali bagi setiap kemahiran, barulah murid tersebut diuji secara lisan individu.

Instrumen Kajian

Menurut Mohd Majid Konting (2000: 25), alat penyelidikan atau juga dikenali sebagai alat ukur adalah penting bagi mencapai objektif kajian. Alat ukur menentukan sama ada data dan maklumat yang dikehendaki dapat diperolehi atau tidak. Alat ukur yang sempurna akan mengukur dengan tepat sesuatu pemboleh ubah yang hendak diukur. Alat ukur yang menarik akan mendorong subjek yang dikaji untuk menjawab soalan yang dikemukakan dengan tepat dan jujur. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk bahan pengajaran dan pembelajaran iaitu menggunakan Ceria 2M : Awal Membaca dan Menulis Bahasa Melayu dan borang catatan soal selidik bagi setiap murid yang mengikuti KGBK. Bagi borang soal selidik tahap perkembangan murid, penyelidik telah melakukan pembahagian seperti berikut:

Unit 1: Mengenal huruf vokal.

Unit 2: Mengenal huruf konsonan 'K'

Unit 3: Mengenal huruf konsonan 'S' dan 'T'

Unit 4: Mengenal huruf konsonan 'D' dan 'R'

Unit 5: Mengenal huruf konsonan 'L' dan 'M'

Unit 6: Mengenal huruf konsonan 'G' dan 'N'

Unit 7: Mengenal huruf konsonan 'H', 'J' dan 'P'

Unit 8: Membunyikan huruf vokal 'O' dan 'E'

Unit 9: Menggabung dan membunyikan konsonan 'F' dan 'Y' dengan vokal 'A,I,U'

Unit 10: Membaca suku kata dan perkataan daripada huruf 'Q', 'Y', 'W', 'X' dan 'Z'

Unit 11: Membaca suku kata KV+KV dan perkataan yang mengandungi 'NG'

Unit 12: Membaca perkataan suku kata terbuka dengan lancar

Unit 13: Membaca perkataan geluncuran dan diftong

Unit 14: Membaca perkataan berasaskan suku kata 'NGA', 'NGI', 'NGU' dan 'NYA',
'NYI', 'NYU'

Unit 15: Membaca rangkai kata bahasa Melayu

Unit 16: Membaca ayat pendek dalam bahasa Melayu

Unit 17: Membaca semua bahan dalam bahasa Melayu

Setelah tempoh enam bulan, penyelidik mengedarkan kertas soalan Ujian Diagnostik berdasarkan unit-unit yang telah dipelajari kepada subjek kajian bagi mengenal pasti penguasaan kemahiran yang telah diperkenalkan. Soalan-soalan yang dibekalkan merangkumi aspek-aspek berikut :

Huruf

A : Vokal

B : Huruf besar

C : Huruf kecil

Suku kata

D : Suku kata terbuka. (kv + kv)

E : Suku kata tertutup. (kv + kvk)

F : Cantuman suku kata. (v + kvk)

G: Suku kata tertutup. (kvk + kvk)

Perkataan

H : Perkataan. (kvk)

I : Perkataan. (kvk + kvkk)

J : Perkataan Berimbuhan. (suku kata kompleks)

K: Perkataan diftong, vokal berganding dan konsonan bergabung.

Frasa

L: Frasa yang mengandungi 2 hingga 3 perkataan.

M: Penggunaan frasa di dalam ayat.

Ayat

N: Ayat yang mengandungi perkataan berganda.

O: Membetulkan ayat.

P: Menyusun ayat mudah.

Q: Kafahaman bacaan.

KAJIAN RINTIS

Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan membuktikan bahawa murid didapati lemah dalam penguasaan bacaan bahasa Melayu kerana murid terpaksa menguasai kemahiran membaca dan menulis secara serentak. Selain itu, murid-murid Tamil mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua oleh itu mereka memerlukan had masa yang lebih lama bagi menguasai kemahiran membaca. Penyelidik juga mendapati murid kekurangan bahan pembelajaran. Hal ini demikian kerana guru yang mengajar bahasa Melayu bukan dari opsyen bahasa Melayu oleh itu guru tersebut tidak dapat mempelbagaikan pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai. Murid juga menghadapi masalah kekangan masa memandangkan mata pelajaran bahasa Melayu merupakan bahasa kedua bagi mereka. Oleh itu mereka sukar menguasai bahasa Melayu.

ANALISIS KGBK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kajian berhubung dengan Kaedah Gabung Bunyi Kata (KGBK) telah banyak dilakukan di Malaysia. Dari segi latar belakang KGBK, kaedah ini telah diperkenalkan oleh Isahak Haron pada 8 hingga 10 Disember 1979 dalam kertas kerja di KONPEN IV anjuran Persatuan Suluh Budiman di Kuantan. Kertas kerja tersebut bertajuk “Beberapa kaedah mengajar murid-murid membaca bahasa Melayu di peringkat awal”. Dalam kertas kerja tersebut, Isahak Haron telah melakukan tinjauan terhadap beberapa kaedah mengajar bahasa Melayu di peringkat awal. Melalui kertas kerja tersebut Isahak Haron telah memperkenalkan KGBK sebagai cadangan atau pilihan alternatif bagi menggantikan kaedah abjad untuk mengatasi masalah ramai murid yang tidak dapat membaca bahasa Melayu di sekolah rendah. Kertas kerja ini telah diterbitkan dalam Jurnal Dewan Bahasa (Jilid 24 bil. 7, Julai 1980)

Jadual 2: Urutan huruf dalam KGBK

	a	i	u
b	ba	bi	bu
c	ca	ci	cu
k	ka	ki	ku
s	sa	si	su
t	ta	ti	tu
d	da	di	du
r	ra	ri	ru
l	la	li	lu
m	ma	mi	mu
g	ga	gi	gu
n	na	ni	nu
j	ja	ji	ju
p	pa	pi	pu
f	fa	fi	fu
y	ya	yi	yu
o			
v	va	vi	vu
w	wa	wi	wu
x	xa	xi	xu
z	za	zi	zu
ng	nga	ngi	ngu
diftong	ai	au	oi
nga ngi ngu	nya	nyi	nyu

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian menunjukkan peningkatan dari segi jumlah betul item yang telah diuji ke atas subjek kajian.

Jadual 3: Jumlah peratusan pencapaian penguasaan murid KGBK tahap akhir.

Bahagian	Jumlah item	Jumlah betul	Peratus betul	Jumlah salah	Peratus salah
A	200	184	92%	16	8%
B	360	333	92.5 %	27	7.5%
C	440	411	93.4 %	29	6.6%
D	360	273	75.8 %	87	24.2%
E	360	213	59.2 %	147	40.8%
F	160	137	85.6 %	23	14.4%

G	360	88	24.4 %	272	75.6%
H	360	132	36.7 %	228	63.3%
I	160	38	23.7 %	122	76.3%
J	160	43	26.9 %	117	73.1%
K	200	152	76 %	48	24%
L	200	111	55.5 %	89	44.5%
M	200	57	28.5 %	143	71.5%
N	200	57	28.5%	143	71.5%
O	80	25	31.2 %	55	68.8%
P	160	55	34.4%	105	65.6%
Q	40	26	65 %	14	35%

Hasil kajian menunjukkan sebahagian besar murid boleh menguasai aspek huruf iaitu bahagian A 92 peratus (184 jumlah betul), bahagian B 92.5 peratus (333 jumlah betul), bahagian C 93.4 peratus (411 jumlah betul). Keseluruhannya menunjukkan hanya sebahagian kecil sahaja subjek kajian yang tidak boleh menguasai aspek huruf iaitu bahagian A 8 peratus (16 jumlah salah), bahagian B 7.5 peratus (27 jumlah salah dan bahagian C 6.6 peratus (29 jumlah salah). Masalah ini timbul kerana sebilangan murid masih tidak dapat membezakan di antara ‘e’ pepet dan ‘e’ taling. Walaupun subjek kajian diberi rangsangan melalui gambar untuk memudahkan mereka namun masih ada subjek kajian yang gagal memahami dan menguasai aspek tersebut. Dalam aspek ini juga didapati subjek kajian sukar untuk membezakan huruf. Subjek kajian didapati keliru dengan bentuk-bentuk huruf yang hampir sama seperti (n-m), (g-p) dan (c-e). Huruf terbalik (m-w), (n-u) dan (h-y). Huruf songsang (b-d), (q-p) dan (b-p). Murid-murid juga lemah untuk mencari maklumat dalam bahan bergambar kerana tidak memahami atau salah tafsir tentang gambar yang disertakan sebagai bahan rangsangan.

Berdasarkan aspek kajian suku kata, didapati penguasaan pada bahagian D 75.8 peratus (273 jumlah betul), bahagian E 59.2 peratus (213 jumlah betul), bahagian F 85.6 peratus (137 jumlah betul) dan bahagian G 24.4 peratus (88 jumlah betul). Dalam bahagian D, subjek kajian masih boleh menguasainya dengan baik namun masih ada subjek kajian yang tidak dapat menguasainya kerana mereka dapat menyebut huruf dengan betul tetapi tidak tahu atau salah membunyikan suku kata yang dieja. Dalam bahagian ini didapati 24.2 peratus (87 jumlah salah) subjek kajian tidak dapat menguasai.

Dalam bahagian E pula sebanyak 40.8 peratus (147 jumlah salah) subjek kajian tidak dapat menguasainya. Malahan masalah ini timbul kerana ianya melibatkan sukukata tertutup dan banyak bilangan huruf konsonan yang terpaksa diingat oleh subjek kajian. Masalah ini juga timbul kerana subjek kajian tidak dapat menggabungkan suku kata tersebut secara spontan.

Bahagian F menunjukkan sebanyak 14.4 peratus (23 jumlah salah). Dalam bahagian ini didapati subjek kajian tidak dapat menulis semula huruf-huruf vokal yang dicantumkan dengan suku kata tertutup (v + kvk) kerana subjek kajian masih lemah menguasai kemahiran menulis dengan baik.

Dalam bahagian G pula sebanyak 75.6 peratus (272 jumlah salah) penurunan peratusan penguasaan yang tinggi. Masalah ini timbul kerana bilangan soalan yang banyak dan tiada gambar sebagai rangsangan.

Bahagian H menunjukkan 63.3 peratus (228 jumlah salah) tidak dapat menguasainya. Keadaan ini berlaku kerana subjek kajian keliru untuk menyesuaikan gambar dan perkataan. Keadaan ini juga berlaku disebabkan subjek kajian tahu nama gambar tersebut tetapi tidak dapat mengeja perkataan yang diberikan.

Dalam bahagian I didapati 76.3 peratus (122 jumlah salah) tidak dapat menguasainya. Ini disebabkan subjek kajian semakin keliru dengan suku kata yang lebih mencabar ditambah dengan ketiadaan gambar sebagai rangsangan.

Bahagian J menunjukkan sebanyak 73.1 peratus (117 jumlah salah) murid-murid tidak dapat menguasai bahagian ini. Pada bahagian ini perkataan berimbuhan digunakan untuk mewakili perkataan yang mengandungi perkataan yang lebih kompleks. Ini membuatkan subjek kajian menjadi semakin bercelaru ditambah dengan ketiadaan gambar sebagai rangsangan.

Dalam bahagian K didapati 24 peratus (48 jumlah salah) tidak dapat menguasainya. Pada bahagian ini penyelidik mendapati subjek kajian keliru dalam menentukan gambar-gambar yang seakan-akan sama seperti gambar tasik, pulau dan pantai. Walau bagaimanapun sebahagian besar subjek kajian dapat menjawab soalan ini.

Dalam aspek ini didapati bahagian L terdapat 44.5 peratus (89 jumlah salah) subjek tidak dapat menguasai bahagian ini. Masalah pada bahagian ini disebabkan oleh ketidakupayaan

subjek kajian membaca frasa-frasa tersebut dan secara tidak langsung mereka gagal untuk memadankan jawapan diantara frasa dan gambar yang disediakan.

Bahagian M menunjukkan 71.5peratus (143 jumlah salah) subjek kajian tidak menguasai bahagian ini. Masalah diperingkat ini jelas menunjukkan bahawa subjek kajian tidak dapat memadankan frasa dengan ayat yang diberi kerana sebahagian besar subjek kajian kurang mahir membaca walaupun gambar sebagai rangsangan disediakan.

Dalam bahagian N didapati 71.5peratus (143 jumlah salah) tidak dapat dikuasai oleh subjek kajian. Sebahagian besar subjek kajian tidak memahami makna perkataan dan bermasalah menyebut perkataan yang banyak suku kata. Disamping itu juga tiada gambar rangsangan disediakan menyebabkan subjek kajian kurang memahami makna perkataan.

Dalam bahagian O pula sebanyak 68.8 peratus (55 jumlah salah) subjek kajian tidak dapat menguasainya. Dalam bahagian ini subjek kajian diminta menyusun semula ayat mengikut susunan yang betul. Kebanyakan subjek kajian tidak memahami struktur bahasa Melayu. Oleh itu mereka menyusunnya sesuka hati tanpa mengira subjek atau predikat.

Bahagian P menunjukkan 65.6 peratus (105 jumlah salah) subjek kajian tidak menguasai bahagian ini. Di samping tidak memahami struktur ayat, subjek kajian juga tidak memahami pola ayat. Pemikiran subjek kajian semakin bercelaru melihatkan ayat yang hendak disusun semakin panjang iaitu 5 hingga 6 patah perkataan bagi satu ayat.


Bahagian akhir yang diuji ialah tentang kefahaman subjek kajian. Didapati sebanyak 35 peratus (14 jumlah salah) subjek kajian gagal menguasai soalan ini. Subjek kajian gagal memahami petikan yang disediakan yang mana telah diserapkan unsur kemahiran aplikasi matematik. Terdapat juga subjek kajian yang menjawab lebih dari satu jawapan dan ini menunjukkan kefahaman murid terhadap soalan adalah rendah.

Setelah melalui proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah KBGK, akhirnya telah memaparkan peningkatan dalam angka dan peratusan subjek kajian. Hal ini membuktikan bahawa KBGK adalah satu kaedah yang berkesan untuk mengajar subjek kajian.

Bagi membuktikannya sila lihat paparan jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Markah pencapaian subjek kajian berdasarkan tahap kemahiran yang dikuasai

Markah Keseluruhan	Jumlah Murid Cemerlang	Jumlah Murid Sederhana	Jumlah Murid Lemah
0 – 9	-	-	2 (14.3peratus)
10 – 19	-	-	7 (50.0peratus)
20 - 29	-	-	3 (21.4peratus)
30 - 39	-	6 (35.3peratus)	2(14.3peratus)
40 - 49	-	4 (23.5peratus)	-
50 - 59	-	3 (17.7peratus)	-
60 - 69	1 (11.1peratus)	4 (23.5peratus)	-
70 - 79	3 (33.3peratus)	-	-
80 - 89	4 (44.5peratus)	-	-
90 - 100	1(11.1peratus)	-	-
Jumlah Keseluruhan	9	17	14



Rajah 4: Kategori subjek kajian berasaskan tahap pencapaian.

Berdasarkan jadual dan rajah di atas jelas menunjukkan kaedah KGBK telah berjaya membuktikan bahawa subjek kajian yang sebelumnya berada pada tahap yang paling lemah dan dalam kategori yang tidak menguasai aspek bacaan, namun pada peringkat akhir kajian dijalankan didapati peningkatan nya begitu memberangsangkan.

Hasil dapatannya ternyata bahawa Kaedah Gabung Bunyi Kata (KGBK) ini amat sesuai untuk meningkatkan prestasi murid tersebut. Hal ini dapat dibuktikan bahawa 65 peratus bersamaan dengan 26 subjek kajian berjaya menguasai kemahiran membaca dengan lancar dan 35 peratus bersamaan 14 subjek kajian yang masih belum menguasai kemahiran bacaan dengan lancar itu memerlukan tempoh masa yang lebih lama (lebih kurang 3 bulan lagi) untuk menguasainya.

KESIMPULAN

Hasil daripada penyelidikan yang telah dilakukan ke atas KGBK ini telah membuktikan keberkesannya, iaitu seramai 65 peratus murid telah berjaya menguasai kemahiran yang diajarkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran membaca bahasa Melayu dalam kalangan subjek kajian. Secara keseluruhannya kaedah ini ternyata berkesan serta boleh digunakan dan menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan serta peningkatan yang positif terhadap murid yang langsung tidak boleh membaca bahasa Melayu.

BIBLIOGRAFI

Buku:

Chall, Jeanne, 1967. *Learning To Read: The Great Debate*. San Francisco: McGraw Hill.

Calhoun, Emily, 1999. *Picture Word Inductive Model*. Washington: ASCD

Clay, Marie, 1993. *Reading Recovery: A Guidebook For Teachers In Training*. Portsmouth: NH Heinemann.

California Department of Education, 1995. *The Superintendent's Reading Task Force. Every Child A Reader*. California: Department of Education.

California Department of Education, 1996. *Teaching Reading: A Balanced Comprehensive Approach To Teaching Reading In Prekindergarten Through Grade Three*. Sacramento: California.

Doman, Glenn, 1981. *Teach Your Baby To Read*. London: Pan Books.

Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991. *Pedoman Umum Ejaan Rumi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dr. Muhammad Saiful Haq Hussin, 2010. *Penguasaan Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Tahun satu*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn. Bhd..

Flesh, Rudolf, 1995. *Why Johnny Can 't Read And What You Can Do About It*. New York: Harper & Brothers.

- Isahak Haron, 1982. *Mari membaca*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Bhd.
- Isahak Haron, 1986. *Kegiatan Tadika 2. Mari Membaca*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Isahak Haron, 1990. *Mudah Membaca Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Isahak Haron, 2001. *Mudah Membaca Dan Menulis 1 & 2. Siri Tadika Fajar Bakti*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Isahak Haron, 2001. *Kajian Membaca Dan Menulis 1 & 2*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Isahak Haron, 2003. *Bahasa Malaysia 1- 6. Siri Genius Dengan Panduan Guru*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Isahak Haron, 1996. *Bahasa Malaysia Tahun 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Isahak Haron, 2006. *Kajian Diagnostik Membaca dan Menulis Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Isahak Haron, 2007. *Ceria 2M KIA2M. Buku 1 dan 2*. Petaling Jaya: Penerbit Ilmu Bakti.
- Isahak Haron, 2003. *Aktiviti Jawi 1, 2, 3 & 4. Siri Genius*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Isahak Haron, 2005, 2008. *Mudah Jawi 1 dan 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McGuinness, Diane 1997. *Why Our Children Can 't Read*. New York: The Free Press.
- Ministry of Education, Ontario. 2003. *Reading Strategy. The Report Of The Expert Panel On Early Reading In Ontario*. Canada: Ministry of Education.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003. *Laporan Jabatan Pendidikan Khas*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981. *Buku Panduan Am. Kurikulum Baru Sekolah Rendah. (KBSR)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981. *Panduan Guru Bahasa Malaysia Tahap I KBSR Untuk Sekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981. *Panduan Guru Bahasa Malaysia Tahap I KBSR. 1981 Untuk SRJK Cina dan Tamil*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Krashen, S.D 1981. *Second Language Acquisition and Second Language Learning*. Oxford: Pergamon Press.
- Krashen, S.D., Scarcella, R.C., & Long, M.H., 1982. *Child-Adult Differences in Second Language Aquisitio*. UK: Pergamon Press.
- Krashen, S.D., & Terrell T.D., 1983. *The Natural Approach: Language Acquisition in the Classroom*. London: Newbury House Publishers, Inc.
- Krashen, S.D., 1985. *The Input Hypothesis: Issues and Implications*, New York: Longman.
- Mohd. Majid Konting, 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The International Reading Association (IRA), 1998. *IRA & NAEYC Position Statement. Learning To Read And Write: Developmentally Appropriate Practices For Young Children*. Adopted May, 1998.
- The International Reading Association (IRA), 1999. *Position statement, multiple methods for teaching reading*.

Jurnal:

- Isahak Haron, 1979. "Beberapa Kaedah Mengajar Murid-Murid Membaca Bahasa Malaysia Di Peringkat Awal". *Kertas Kerja di KONPEN IV, Kuantan 8-10 Disember: Anjuran Persatuan Suluh Budiman di Kuantan.*
- Isahak Haron, (1980). "Beberapa Kaedah Mengajar Murid-Murid Membaca Bahasa Malaysia di Peringkat Awal". *Jurnal Dewan Bahasa* Jilid 24 Bil. 7, Julai 1980.
- Isahak Haron, 2006. Laporan Kajian KGBK Untuk Pengajaran Jawi Asas Tahun 1 dan JQAF. *Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim.*
- Isahak Haron, 2008. Kelemahan 2M Jawi Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Dan 5 Sekolah Rendah Dan Tingkatan 2 Sekolah Menengah, dan Cara Mengatasinya. *Kertas Seminar Kebangsaan Tulisan dan Terjemahan 2008.* 1-3 April, 2008, di Auditorium Perpustakaan Negara:Kuala Lumpur.

Disertasi

- Azila Alias, 2007. "Perbandingan Tiga Kaedah Mengajar Membaca di Tadika Kemas". Disertasi Sarjana Pendidikan. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Dewi Maslihah bt. Md. Yusop, 1995. "Kaedah KGBK Untuk Pengajaran Pemulihan Jawi Murid Tahun 2 di Sebuah Sekolah Kebangsaan". Distertasi Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya.

Website:

- Thorndike revisited* pg. 195. <http://www.jstor.org/stable/747060?seq=1>, diakses pada 18 Mei 2012.